

China Mahu Sertai Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi

BEIJING 13 Mei – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, China menyatakan minatnya untuk melibatkan diri dalam projek kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura.

Hasrat itu dinyatakan oleh Presiden Xi Jinping dan juga Perdana Menterinya, Li Keqiang, kata Najib pada sidang akhbar petang ini selepas mengadakan pertemuan dengan kedua-dua pemimpin China dan juga menyaksikan majlis memeterai tiga memorandum persefahaman (MoU).

Tiga MoU itu termasuk persefahaman ke arah menggalakkan pembangunan ekonomi bersama Malaysia-China melalui inisiatif laluan sUTera darat dan juga maritim abad ke-21 serta protokol keperluan fitosanitasi bagi pengeksportan nanas ke China.

Perdana Menteri berkata, pada pertemuan itu, Jinping mengulangi bahawa hubungan antara kedua-dua negara berada pada tahap yang terbaik dalam sejarah kerjasama bilateral.

Presiden China juga berterima kasih atas sokongan Malaysia terhadap inisiatif Belt and Road (BRF) dengan menjadi negara yang pertama memberikan sokongan.

“Sejak lawatan saya ke China pada bulan November lalu beberapa inisitif yang diputuskan telah diambil tindakan positif terutamanya projek kereta api Pantai Timur yang akan dilaksanakan pembinaan pada bulan Julai ini,” katanya di sini.

Najib berkata, permintaan beliau supaya China menambah pembelian minyak sawit juga dipenuhi apabila dalam tiga bulan pertama tahun ini, pembeliannya ditambah hampir sekali ganda atau dua kali ganda berbanding apa yang ditempa sebelum ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri menyaksikan pemeteraian dua perjanjian antara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL) dengan China Communications Construction Co. Ltd. (CCCC) dan Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. (SSER) dengan China Petroleum Pipeline Engineering Co. Ltd. (CPP).

Kedua-dua syarikat MRL dan SSER adalah merupakan anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan. – UTUSAN